

SinarIslam

Menjaga amanah dalam pekerjaan



- Laksanakan tugas yang diberikan dengan niat semata-mata kerana ALLAH SWT.
- Contoh sikap amanah dan tanggungjawab seperti ditunjukkan Nabi Muhammad SAW.
- Jaga waktu bekerja, elak terjebak dengan penyelewengan.

DR MOHD ASHROF ZAKI YAAKOB ialah Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor yang juga Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari di universiti sama.

PENINGKATAN kes positif Covid-19 dan kewujudan varian baharu yang lebih agresif menyebabkan usaha untuk melandalkan keluk jangkitan dijangka mengambil masa yang lebih panjang.

Justeru, langkah kerajaan meneruskan seketahul kerajaan meneruskan pergerakan di bawah Pelan Pemulihran Negara adalah tepat.

Pun demikian, bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam kekal berfungsi, kerajaan telah menetapkan bahawa pengoperasian pejabat kerajaan akan dilaksanakan secara hibrid iaitu datang ke pejabat dan bekerja dari rumah (BDR).

Penetapan 20 peratus kehadiran ke pejabat dan 80 peratus secara BDR mengikut giliran menyaksikan sebahagian besar penjawat awam akan terus berada di rumah khususnya di negeri fasa satu PPN.

Situsi tersebut sebenarnya telah mendapat dua reaksi yang berbeza. Sebahagiannya seronok dengan sistem BDR, tetapi ada juga yang sebaliknya.

Dalam keadaan tersebut, integriti para penjawat awam bakal teruji sekali gus akan menterjemahkan kualiti amanah dan tanggungjawab yang mereka sandang selama ini.

Tiga syarat

Bagi mereka yang beragama Islam, seharusnya pekerjaan yang menjadi asas dan punca rezeki, dilaksanakan dalam konteks beribadah kepada ALLAH SWT.

Ibadah hakikatnya bukan sekadar mendirikan solat, berpuasa,

mengeluarkan zakat dan menuaikan haji, tetapi lebih daripada itu. Justeru, bagi memastikan seluruh pekerjaan menjadi ibadah, terdapat tiga syarat yang perlu dipenuhi iaitu:

1 Niat bekerja hanya kerana ALLAH.

- Sebagai pekerja, kita harus memperbaui niat setiap hari ketika memulakan kerja di samping mengikhlaskan diri melakukan kerja ALLAH SWT.
- Ikhlas dalam pekerjaan bermakna melaksanakan amanah dan tugas dengan sebaiknya kerana meyakini bahawa ALLAH SWT sentiasa melihat segala perbuatan kita.
- Daripada Ummah RA berkata: "Bahwa telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW dan bertanya: "Apakah pendapat tuan tentang seseorang yang berperang dengan tujuan mencari pahala dan kemasyhuran diri dan kelak apa yang akan dia peroleh?" Kemudian Rasulullah SAW menjawab: "Dia tidak mendapatkan apa-apalah!" Pertanyaan yang sama diulang sebanyak tiga kali, namun jawapan Rasulullah SAW tetap sama: "Dia tidak menerima apa-apalah!" Lalu Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya ALLAH tidak menerima sesuatu amalan kecuali yang ikhlas dan hanya mengharapkan rada daripada ALLAH." (Riwayat Imam Abu Daud dan Al-Nasa'i'e)

2 Menepati syarak.

- Dalam konteks penjawat awam, amat diyakini bahawa semua pekerjaan yang wujud adalah selari dengan hukum syarak.
- Wajib bagi setiap penjawat awam untuk memastikan pekerjaan dilaksanakan dengan penuh integriti dan beramanah.
- Dalam konteks BDR, keberadaan di rumah adalah untuk melakukan tugas yang telah ditetapkan. Tidak sewajarnya pada waktu bekerja, mereka melakukan pekerjaan yang



Hijrah kuatkan tekad hadapi ujian

MS 20 & 21

lain sehingga mengabaikan tugas hakiki kerja.

- Melaksanakan BDR dengan amanah dan berintegriti bukanlah bermaksud terikat berterusan dari jam 8 pagi hingga 5 petang di meja kerja. Sebaliknya, fleksibiliti pelaksanaan BDR masih meraikan tugas-tugas lain di rumah seperti membantu anak-anak dalam pembelajaran termasuk mengurus rumah tangga.

3 Matlamat sesuatu pekerjaan.

- Ia mestilah untuk kebaikan seperti mencari nafkah keluarga dan memenuhi kelangsungan kehidupan.
- Sudah menjadi lumrah, terdapat pekerja yang kuat dalam ibadahnya, tetapi ketika melakukan pekerjaan, terdapat perlakuan yang boleh membantalkan nilai ibadah dalam pekerjaannya seperti melakukan maksiat, culas dalam menepati masa, bahkan ada yang terlibat dengan penyelewengan dan sebagainya.
- Kegagalan dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab merupakan suatu pengkhianatan yang jelas bagi matlamat sesuatu pekerjaan, seperti pertama firman ALLAH SWT: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) ALLAH dan Rasul-NYA dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)." (Surah al-Anfal, ayat 27)

Lazimnya, azam yang disulami dengan komitmen yang tinggi dalam menjaga amanah yang diberikan pastinya akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh.

Dedikasi dalam pekerjaan pula ditunjukkan dengan cara mencurahkan seluruh masa, tenaga dan pemikiran untuk memperoleh hasil kerja yang terbaik dan berkualiti.

Hasilnya, seseorang itu akan dihormati dan dikenali sebagai pekerja Muslim dan Muslimah yang baik sekali gus menjadi contoh kepada masyarakat termasuk kepada orang bukan Islam.

Budaya bekerja seperti itulah yang dicintai oleh ALLAH SWT sebagai gamana hadis daripada Aisyah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya ALLAH SWT menyukai apabila seseorang kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukan pekerjaan, dia melakukannya dengan tekun." (Riwayat al-Baihaqi)

Sejarah juga telah membuktikan sifat amanah dan tanggungjawab yang dimiliki junjungan mulia Nabi Muhammad SAW telah menyebabkan baginda dinobatkan dengan gelaran al-Amin dalam masyarakat Arab.

Contoh tauladan yang baginda tunjukkan wajar dijadikan panduan kepada seluruh penjawat awam.

“ Bagi merealisasikan komitmen dalam menjaga amanah penjawat awam, beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti menjaga waktu bekerja, memastikan matlamat utama pekerjaan tercapai dan tidak terjebak dengan penyelewengan seperti pecah amanah, rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa.

